



## KENYATAAN AKHBAR PENGARAH KESIHATAN NEGERI SARAWAK

### MAKLUMAN KLUSTER COVID-19 DI HOSPITAL SENTOSA, KUCHING

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin memaklumkan bahawa satu kluster COVID-19 telah dikesan di Hospital Sentosa, Kuching, Sarawak seperti yang telah diumumkan melalui Kenyataan Akhbar Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak pada 14 Julai 2021.

Kluster ini telah mula dikesan pada 12 Julai 2021 apabila seorang petugas kesihatan di hospital tersebut telah didapati positif COVID-19. Susulan daripada itu, aktiviti saringan dan pengesanan kontak telah dijalankan. Sehingga jam 6.00 petang, 14 Julai 2021, terdapat seramai 56 kes positif COVID-19 telah dikesan melibatkan 24 orang petugas kesihatan, 28 orang pesakit dalam, seorang (1) pekerja syarikat konsesi dan tiga (3) orang kontak serumah.

Pihak Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching dan pengurusan Hospital Sentosa telah bertindak segera untuk mengawal dan mengekang perebakan jangkitan COVID-19 di fasiliti tersebut dengan melakukan langkah-langkah kawalan seperti berikut:

- i. Mengenal pasti kontak rapat di tempat kerja, rumah dan sosial serta melakukan saringan calitan tekak terhadap kontak rapat di tempat kerja, rumah termasuk sosial. Manakala, tindakan merawat, isolasi dan kuarantin dijalankan mengikut kategori pesakit dan kontak;

- ii. Kemasukan pesakit ke wad pesakit dalam dan kemasukan Orang Kena Tuduh (OKT) di Wad Forensik Lelaki dihentikan serta merta berkuat kuasa pada 14 Julai 2021;
- iii. Perkhidmatan pesakit luar diteruskan secara tele-konsultasi, manakala, perkhidmatan pengambilan ubat dibuat secara pandu lalu;
- iv. *Terminal cleaning* telah dilakukan di semua lokasi yang terlibat;
- v. Perkhidmatan terapi elektrokonvulsif yang melibatkan prosedur aerosol diberhentikan serta merta berkuat kuasa pada 12 Julai 2020. Pesakit luar yang memerlukan perkhidmatan elektrokonvulsif berkala dirujuk ke Hospital Umum Sarawak;
- vi. Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan memantau tahap kesihatan semua petugas terlibat; dan
- vii. Amalan kawalan infeksi diperketatkan dan dipantau oleh Unit Kawalan Infeksi di kalangan kakitangan dan petugas kesihatan.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menyeru orang ramai agar terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan mengamalkan norma baharu yang telah ditetapkan termasuklah kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka dengan betul serta penjarakan sosial walaupun telah mendapat suntikan vaksin COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR MOHAMED SAPIAN BIN MOHAMED** DIMP.SMP  
Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

**15 Julai 2021**